

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Rahimin Afandi Abd Rahim, Paiz Hassan, Abd Munir Mohamed Noh & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (2017). Beberapa Aspek Kearifan Tempatan Terhadap Bahan Alami Yang Digunakan Dalam Pengurusan Jenazah Rantau Alam Melayu. *Ideology*, 2(1) : 14-25, 2017

## **Beberapa Aspek Kearifan Tempatan Terhadap Bahan Alami Yang Digunakan Dalam Pengurusan Jenazah Rantau Alam Melayu**

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Rahimin Afandi Abd Rahim, Paiz Hassan, Abd Munir Mohamed Noh & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak  
Kampus Seri Iskandar  
32610 Seri Iskandar  
Perak, Malaysia

[yusri613@perak.uitm.edu.my](mailto:yusri613@perak.uitm.edu.my)

### **Abstrak.**

Kearifan tempatan adalah serangkaian maklumat, petunjuk, ilmu yang diwariskan daripada generasi ke generasi sebagai satu strategi kehidupan yang melambangkan keunikan sesuatu bangsa. Kearifan tempatan adalah hasil daripada tindakbalas masyarakat Melayu dengan alam sekeliling sebagai satu ikhtiar hidup dan memberi manfaat kepada keseluruhan masyarakat. Kajian ini bermatlamat mengkaji unsur dan amalan yang bersifat kearifan tempatan dalam pengurusan jenazah yang telah dipraktikkan dalam masyarakat Melayu. Antara unsur kearifan tempatan yang wujud dalam pengurusan jenazah adalah seperti fungsi kemenyan, sintok, gunting, kacip, daun bidara, air mawar, cerana dan kapur barus. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kajian kepustakaan dan temubual sebagai instrumen kajian. Kajian kepustakaan menumpukan kepada kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan berkaitan unsur kearifan tempatan samada dalam bentuk jurnal, buku dan kertas kerja persidangan. Temubual dijalankan kepada pengurus-pengurus jenazah terpilih menggunakan Kaedah Temu bual Terperinci (*In-depth Interview*) di mana penyelidik menemubual berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Pendekatan kajian teks (matan) juga digunakan bagi meneliti secara kritikal berkaitan penulisan-penulisan yang telah dilakukan oleh sarjana Islam Melayu berkaitan pengurusan jenazah.

## 1.0 Konsep Asas Kearifan Tempatan

Kearifan tempatan diberikan takrifan yang berbeza di kalangan para sarjana. Flavier (1995) mentakrifkan kearifan tempatan adalah pengetahuan unik masyarakat yang terbentuk daripada amalan harian dan budaya masyarakat. Pengetahuan unik dan asas ini akhirnya menjadi pengukur kepada masyarakat setempat untuk membuat keputusan dalam kehidupan seharian mereka yang merangkumi aktiviti pertanian, penjagaan kesihatan, penyediaan makanan, pendidikan, pengurusan alam sekitar dan sumber (Warren, 1992).

Kearifan tempatan ini juga dipengaruhi oleh keadaan dan kreativiti dalaman hasil interaksi dengan alam sekitar. Contoh kearifan tempatan adalah seperti cerita rakyat, lagu, peribahasa, nilai budaya, kepercayaan, ritual, undang-undang adat, bahasa dan amalan pertanian (Kumalah, 2012). Menurut Hiwasaki (2004), kearifan tempatan merujuk kepada kefahaman, kemahiran, praktikal dan falsafah yang dikembangkan hasil daripada reaksi dengan alam sekeliling. Sesetengah sarjana mentakrifkan kearifan tempatan dengan keupayaan menguasai ilmu tempatan secara mendalam serta memahami falsafah ilmu tersebut. Ini seperti yang disebut oleh Rahimin Affandi (2014) dalam penulisannya:

“Kearifan tempatan bukanlah membawa maksud local genius (kepandaian tempatan) yang kerap digunakan oleh sarjana Barat. Perkataan “arif” ini membawa maksud mengetahui secara mendalam ataupun bijaksana kerana didasarkan kepada pemikiran yang mendalam. Ianya biasa digunakan untuk melambangkan kebijaksanaan seseorang yang mencapai maqam al-Arifin. Antaranya, seseorang yang berilmu dan mendapat maklumat yang benar bagi setiap maklumat yang diperolehi perlu berasaskan sumber yang betul dan tepat ataupun ianya mestilah bersifat hakiki, iaitu tidak ada unsur keraguan dan syak wasangka. Seandainya sesuatu maklumat itu tidak benar, ianya bakal menjatuhkan martabat ilmu tadi dan boleh mengakibatkan kekacauan dalam pemikiran seseorang.”

Secara kesimpulannya, kearifan tempatan adalah serangkaian maklumat, petunjuk, ilmu yang diwariskan daripada generasi ke generasi sebagai satu strategi kehidupan yang melambangkan keunikan sesuatu bangsa. Kearifan tempatan adalah hasil daripada tindakbalas masyarakat Melayu dengan alam sekeliling sebagai satu ikhtiar hidup dan memberi manfaat kepada keseluruhan masyarakat.

## 2.0 Pengurusan Jenazah

Jenazah ditakrifkan sebagai seorang yang telah meninggal dunia (al-Khahtani, 2012). Perkataan jenazah berasal daripada perkataan janz yang membawa maksud sesuatu yang ditutup (al-Nawawi, 2008). Pakar bahasa arab seperti al-fayrusabadi juga menyatakan bahawa perkataan jenazah

membawa maksud sesuatu yang tertutup dan terlindung dan ia berasal daripada rangkaian tasrif janaza-yajnizu-janazatan wa jinazatan (al-Nawawi (2005). Jenazah ini juga dipanggil oleh masyarakat setempat sebagai mayat berbeza dengan sebutan al-mayyit dalam bahasa Arab (Ahmad Warson Munawwir, 1997; Departmen Agama, 1993). Jenazah juga ditakrifkan sebagai seseorang yang telah meninggal dunia yang telah terputus kehidupannya di dunia (Hasan Sadiliy, 1982). Perkataan mayat juga digunakan dalam bahasa melayu secara meluas seperti rumah mayat, kereta mayat dan biskut mayat. Terdapat perbezaan antara perkataan jenazah dan mayat di mana panggilan jenazah adalah bagi si mati yang tidak dikafan, setelah di kafan, ia dipanggil sebagai mayat (al-Albani, 2010).

Pengurusan jenazah di Malaysia ditakrifkan sebagai urusan keseluruhan bagi mengendalikan seseorang yang telah meninggal dunia mengikut hukum Islam dan adat istiadat setempat. Ia adalah gabungan antara tanggungjawab yang bersifat fardhu kifayah dalam Islam dan dikendalikan mengikut amalan dan unsur-unsur setempat yang bersifat alami. Semua rukun dan syarat akan dipenuhi oleh seorang pengurus jenazah mengikut perspektif fiqh dengan menggunakan alatan-alatan setempat seperti daun bidara, kapur barus, cendana, daun inai dan sintok (Mansur Ahmad, 2015; Mohd Haris Hanafi, 2016; Sufian Mat Isa, 2016).

### **3.0 Epistemologi dan Sumber Sandaran Pengurus Jenazah Alam Melayu**

Sepanjang temubual yang dijalankan; seorang pengurus jenazah biasanya akan menggunakan beberapa sumber ilmu dalam menguruskan jenazah; pertama, dengan merujuk kepada nas-nas al-quran yang berkaitan kematian dan sakit. Ayat-ayat al-quran digunakan sebagai ruqyah dan doa ketika pesakit nazak dan untuk memberi motivasi kepada pesakit. Ayat-ayat al-quran juga digunakan sebagai penghilang kepada amalan-amalan turun temurun masyarakat melayu yang berhubung kait dengan perjanjian dan gangguan makhluk halus (Marzuki Mohd Noor, 2011).

Kedua; pengurus jenazah secara kebiasaannya merujuk kepada al-sunnah sebagai sumber kedua dalam perundangan Islam. Ia melibatkan bagaimana proses memandikan jenazah dan penggunaan bahan-bahan tertentu seperti kapur barus dan daun bidara. Hadis-hadis ini jika dikaji ia adalah daripada Sahih Bukhari dan Muslim. Terdapat juga hadis-hadis yang berstatus hasan dan dhaif digunakan terutamanya pada amalan-amalan yang melibatkan fadhail seperti tahlil, talkin dan beberapa amalan lain. Bagi pengurus jenazah yang beraliran sunnah, buku ahkam al-janaiz wa bidauha karangan Albani dan fiqh sunnah karangan Sayyid Sabiq (Mohd Faez Mohd Shah, 2015).

Ketiga, merujuk dan menggunakan kitab-kitab fiqh mazhab Shafie seperti majmu', iqna', fiqh manhaji dan lain-lain dalam mencontohi amalan pengurusan jenazah. Selain daripada itu juga, pengurus jenazah juga kerap menggunakan kitab-kitab hadis seperti al-azkar, riyadus salihin dan bahrul mazi. Antara kitab jawi lama yang kerap dirujuk adalah furu' masail dan

Tanah talibin. Selain daripada itu, kebanyakan pengurus jenazah juga merujuk kepada buku-buku pengurusan jenazah yang tulis berdasarkan pengalaman oleh pengurus-pengurus jenazah dan terbitan organisasi seperti JAKIM dan jabatan agama negeri (Azhar Idrus, 2015).

Keempat, pengalaman; kebanyakan pengurus jenazah mempelajari ilmu pengurusan jenazah secara berguru iaitu melihat bagaimana gurunya menguruskan jenazah, kemudian membantu dan seterusnya menguruskan sendiri jenazah. Pengalaman yang berbeza menyebabkan kaedah pengurusan jenazah di alam Melayu berbeza. Namun begitu, setiap pengurus jenazah masih mengikut kaedah asas yang sama seperti yang digariskan mengikut mazhab shafie seperti syarat dan rukun. Perbezaan hanyalah berlaku daripada sudut kaedah pengurusan dan bukan pada syarat dan rukun. Dapatan temubual kami menunjukkan terdapat perbezaan kaedah dan amalan kebiasaan bagi pengurus jenazah bergantung kepada keadaan tempat dan situasi (Othman Haji Awang, t.th).

#### **4.0 Komponen Pengurusan Jenazah Alam Melayu**

Masyarakat melayu sangat mementingkan Islam dalam aspek pengurusan jenazah. Bermula daripada seseorang nazak sehingga selepas dikuburkan, masyarakat melayu mengaitkan diri mereka dengan ritual islamik. Penulisan ini akan mengkategorikan pengurusan jenazah kepada dua komponen; pertama, ketika nazak, kedua; selepas kematian. Komponen pertama akan menceritakan bagaimana amalan masyarakat melayu khusus ketika seorang pesakit sedang nazak yang merangkumi tanda-tanda awal kematian, bacaan yasin, al-ra'du, bacaan syahadah dan titisan air di mulut jenazah menggunakan kapas. Komponen kedua adalah pengurusan selepas kematian daripada proses menutup mata jenazah, membersihkan kotoran dan najis, meminyakkan sendi jenazah, mengikat mulut jenazah, proses mandi, wuduk, solat, kubur, tahlil dan talkin (Amir Muttaqin Ab. Ghani, 2013).

#### **4.1 Ketika Nazak**

Antara perkara yang diamati ketika pesakit nazak adalah tanda-tanda awal kematian. Tanda ini dikenali berasaskan kepada pengalaman peribadi pengurus-pengurus jenazah, iainya bukanlah tanda-tanda wajib dan setakat ini tiada pembuktian daripada aspek saintifik. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh seorang pengurus jenazah dalam bukunya:

“Tanda-tanda awal kematian ini adalah merupakan pengamatan peribadi penulis terhadap pesakit-pesakit yang pernah diuruskan dan diziarahi sepanjang menguruskan jenazah. Oleh yang demikian, ini bukanlah tanda yang wajib ada ataupun yang perlu diikuti, namun ia sebagai ilmu tambahan dan juga sandaran kepada mereka yang menghadapi situasi ini” (Amir Muttaqin bin Hj. Ab Ghani, 2013)

Antara tanda-tanda yang diceritakan sepanjang temubual kami adalah seperti tapak kaki lurus dan meluncur ke hadapan, hidungnya jatuh, perantaraan sendinya renggang, lidah kelu dan tertutup selera, tidak mengecam keluarga terdekat, terlalu dahaga dan sentiasa minta air, tidak ada timbal balik pernafasan, berolak-olak di bahagian perut dan dada, bunyi seperti berdengkur (*ghargharah*) di kerongkong dan keadaan belakang yang rata (Amir Muttaqin Ab. Ghani, 2013). Biasanya di rantau alam Melayu, jika terdapat tanda-tanda awal kematian, sebilangan pengurus jenazah akan membaringkan jenazah di lambung kanan dan kepalanya akan dihadapkan ke arah kiblat. Ada sebilangan pengurus jenazah yang ditemubual pula menyatakan bahawa, pesakit yang sedang nazak dibaringkan dalam keadaan terlentang dan kepalanya diangkat sedikit mengadap kiblat. Dalam amalan masyarakat Melayu nusantara, surah Yasin akan dibacakan ketika nazak dan sepanjang jenazah berada di rumah dan ketika ziarah dikuburan. Sebilangan kecil pengurus jenazah membacakan surah al-Ra'du ketika pesakit sedang nazak (Azhar Idrus, 2015). Orang Melayu juga akan membisikkan kalimah *La ila ha illa Allah* di telinga pesakit yang sedang nazak dengan suara yang lembut dan tidak mendesak. Jika tidak mampu, mereka akan membisikkan kalimah Allah. Proses ini dikenali dengan nama mengucap (Rohidzir Rais, 2011).

## **4.2 Pengurusan Selepas Kematian**

Pengurusan selepas kematian dikategorikan kepada beberapa bahagian seperti; pengurusan awal kematian, memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, menyembahyangkan jenazah dan mengebumikan jenazah.

### **4.2.1 Pengurusan awal jenazah**

Sebaik sahaja berlaku kematian, antara amalan orang melayu adalah memejamkan mata jenazah jika matanya terbuka dan mengikat rahang jenazah bagi mengelakkan mulut jenazah terbuka. Doa akan dibaca ketika menutup mata jenazah dan rahang dagu diikat dengan menggunakan sehelai kain. Proses lembutkan sendi juga dilakukan dengan mengurut sendi-sendi jenazah dan meminyakkan sendi jenazah menggunakan minyak kelapa, kelapa sawit atau minyak zaitun. Proses melembut dan meminyakkan jenazah penting untuk memudahkan pengurusan jenazah ketika mandi. Kemenyan juga dinyalakan bagi menghilangkan bau jenazah. Mengikut amalan orang melayu, benda sederhana berat seperti gunting dan kacip diletakkan di atas perut jenazah untuk memudahkan najis dikeluarkan daripada perut dan mengelakkan perut jenazah kembung hingga menjadikannya kelihatan buruk (Amir Muttaqin Ab. Ghani, 2013). Pakaian jenazah ditanggalkan dengan menggunting di sebelah tepi dan jenazah tersebut ditutup dengan sehelai kain nipis seperti batik atau pelikat. Jenazah tidak ditutup dengan kain tebal kerana bagi mengelakkan bau jenazah terperangkap dan menyebabkan jenazah cepat berbau. Kebiasaannya orang Melayu sangat menghormati jenazah dan meletakkannya lebih tinggi daripada lantai, seperti di atas katil serta dihadapkan di ke arah kiblat (Rohidzir Rais, 2011).

### **4.2.2 Mandi Jenazah**

Rukun mandi jenazah ada dua; pertama, niat dan yang kedua meratakan air keseluruh badan jenazah. Proses memandikan jenazah di alam Melayu dimulakan dengan proses membuang najis dan kotoran yang terdapat di badan jenazah. Kotoran dibuang dengan menggunakan sabun, akar sintok dan air. Ini termasuklah satu proses yang dipanggil meruang atau meruam iaitu proses membuang najis di perut jenazah dengan mengurut perut jenazah beberapa kali (Amir Muttaqin Ab. Ghani, 2013). Usai proses membuang meruang, pengurus jenazah akan niat mandi jenazah dan jenazah akan dimandikan bermula di bahagian kanan diikuti bahagian kiri tubuh jenazah. Kemudian pada jirusan akhir, jenazah akan disiram dengan air daun bidara dan air kapur barus. Jenazah akan diwudukkan setelah selesai proses mandian. Ada sebilangan pengurus jenazah rantau alam Melayu mendahulukan wuduk kepada jenazah sebelum memandikannya. Usai mandi dan berwuduk, jenazah akan dikeringkan dengan menggunakan tuala sebelum proses kafan bermula (Syaiikh Abd Aziz bin Baz, 2011).

#### **4.2.3 Kafan Jenazah**

Kafan adalah proses membalut jenazah dengan kain bagi persediaan mengebumikannya. Ukuran yang minimum bagi kain kafan adalah dengan membalut tubuh jenazah dengan sehelai kain yang menutupi seluruh tubuh dan kepalanya (Al-Jibrin, 2011). Di rantau alam Melayu, biasanya jenazah lelaki akan dikafankan menggunakan 3 helai kain kafan dan jenazah wanita menggunakan 5 helai kain kafan. Di beberapa tempat, jenazah lelaki dikafankan dengan keadaan berbaju jubah dan beserban, manakala jenazah perempuan dipakaikan dengan telekung (Amir Muttaqin Ab. Ghani, 2013).

#### **4.2.4 Mengebumikan Jenazah**

Kadar kedalaman minimum bagi mengebumikan jenazah adalah sekadar dapat menutup bau busuk jenazah dan tidak boleh digali oleh haiwan. Jenazah juga hendaklah dihadapkan ke arah kiblat. Biasanya kedalaman kubur adalah setinggi orang yang sederhana tingginya. Wajib di baringkan jenazah dilambung kanan dan menghala ke arah kiblat. Jika tanah perkuburan keras, biasanya penggali kubur akan membina liang lahad tetapi jika tanah tersebut lembab dan berair, jenazah akan di tanam bersama-sama dengan keranda yang diperbuat daripada papan. Usai proses pengebumian, talkin akan dibacakan di atas kubur sebagai peringatan bagi mereka yang hidup (Amir Muttaqin Ab. Ghani, 2013).

### **5.0 Unsur Kearifan Tempatan Dalam Pengurusan Jenazah**

#### **5.1 Penggunaan Kemenyan**

Kemenyan adalah berasal daripada getah pokok *styrax* yang telah dilukakan. Pokok *styrax* ini dikenali dengan nama pokok kemenyan di kalangan masyarakat melayu. Di Malaysia dan Sumatra, kemenyan didapati dari pokok *Styrax benzoin* sementara di Thailand didapati dari pokok *Styrax*

*tonkinense* (Bernard Sellato, 2001) . Getah pokok ini akan menghasilkan bau yang sangat wangi apabila ditabur di atas bara api (Hasliza Yusof, 2014). Kebanyakan orang Melayu menggunakan kemenyan ini dalam upacara pembomohan untuk membersihkan diri, pesakit dan peralatan daripada unsur-unsur jahat. Masyarakat Melayu juga mempercayai bahawa wangian yang terhasil daripada pokok ini akan menjemput malaikat dan menghalau makhluk halus yang ingin mengganggu. Sebilangan masyarakat Melayu juga mempercayai pokok kemenyan ini mempunyai unsur mistik atas keupayaannya sembuh walaupun berkali dilakukan untuk diambil getahnya (Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd Aziz Haji Bidin, 2013). Dalam pengurusan jenazah, kemenyan pada hakikatnya digunakan bagi menghilangkan bau hanyir jenazah. Wangian yang terhasil daripada kemenyan pada hakikatnya tidak boleh diganti dengan pewangi kerana asap yang terhasil daripada pembakaran kemenyan akan memenuhi setiap ruang dan mengelakkan daripada penziarah daripada terhidu bauan daripada tubuh jenazah. Hasilan daripada asap getah kemenyan ini telah dibuktikan dengan dua kajian saintifik dapat merawat pelbagai jenis penyakit fizikal dan masih dalam proses kajian yang mendalam (H.C Ong, 2012).

## 5.2 Sintok

Sintok adalah sejenis tumbuhan yang memanjat dan berkayu. Pokok ini adalah daripada jenis liana yang memanjat tumbuhan lain terutamanya pokok balak di hutan. Dalam masyarakat Melayu, sintok juga dikenali dengan beluru. Nama saintifiknya adalah *cinnamomum sintoc bl* (Ong Hean Chooi, 2005). Dalam masyarakat Melayu, sintok antara tumbuhan herba yang sangat berguna. Sintok adalah salah satu komponen penyediaan pilis sebagai rawatan kepada ibu yang baru bersalin bagi mengelakkan pening dan membuang angin (Deden Hidayat, 2012). Ia juga digunakan oleh bomoh dan dukun Melayu sebagai bahan campuran mandian bagi mengembalikan kecergasan terutamanya setelah seseorang pulih daripada terlantar sakit yang lama. Masyarakat Melayu juga mengamalkan mandian akar sintok bagi mengembalikan kecergasan selepas suci daripada haid di samping mengharumkan tubuh badan (Noraida Arifin, 2005).

Dalam pengurusan jenazah, sintok digunakan bagi memandikan jenazah. Fungsi sintok adalah sebagai sabun dan syampu pada masa kini. Ini kerana sintok akan mengeluarkan buih jika lama direndam dalam air dan digosokkan menggunakan tangan. Mengikut amalan dan petua pengurus-pengurus jenazah yang ditemubual, sintok ini akan menghilangkan kotoran-kotoran pada jenazah seperti daki, najis, kotoran di kuku serta menyebabkan tubuh jenazah berbau wangi. Pengurus jenazah juga pada kebiasaannya menjirus air sintok ke seluruh tubuh jenazah sebagai salah satu untuk memastikan tubuh jenazah dalam keadaan baik untuk memudahkan urusan kafan dilakukan dengan sempurna. Penggunaan air sintok ini dapat menegangkan kulit jenazah dan mengelakkannya daripada cepat berbau. Pengurus jenazah juga kebiasaannya membasuh tangan

mereka dengan sintok bagi menghilangkan segala bau dan mengelakkan daripada jangkitan yang mungkin berlaku ketika memandikan jenazah.

### 5.3 Daun Bidara

Bidara atau nama saintifiknya *Ziziphus mauritiana* adalah sejenis pohon kecil penghasil buah yang tumbuh di hutan khatulistiwa dan di kawasan-kawasan kering. Batang pokoknya dipenuhi dengan duri-duri kecil. Pokok ini dikenali dengan pelbagai nama seperti *widara* dan *dara* di Indonesia. Dalam bahasa arab ia dikenali dengan *sidrah* (Abdullah Mohd Basmeih, 2015). Dalam sunnah terdapat pelbagai kegunaan daun bidara seperti yang ditunjukkan dalam sunnah; antaranya apabila seseorang memeluk Islam disunnahkan mandi dengan air daun bidara, disunnahkan juga kepada perempuan yang telah selesai haid mandi dengan air campuran daun bidara dan juga menjadi sunnah memandikan jenazah dengan air campuran daun bidara untuk membersihkan kotoran yang terdapat pada jenazah (Akmal Haji Zain, 2012). Ini berasaskan kepada sebuah hadis Ummu 'Athiyah tatkala anak Nabi SAW meninggal, beliau bersabda :

“Mandikanlah dia tiga kali atau lima atau tujuh atau lebih jika kalian melihatnya (lebih baik) dengan air dan daun bidara”.  
(Muttafaqun Alayh)

Daripada informan yang ditemubual, ada sebilangan pengurus jenazah sahaja yang menggunakan daun bidara kerana sukar untuk mendapati daun bidara terutamanya bagi masyarakat bandar. Kebanyakan pengurus jenazah yang tidak menggunakan daun bidara akan menggantikannya dengan sintok atau air mawar pada 3 jirusan akhir. Fungsi asas daun bidara menurut responden yang menggunakannya dalam proses memandikan jenazah adalah untuk melembutkan tubuh jenazah bagi memudahkan proses mandian dan kafan. Selain daripada itu, sebilangan pengurus jenazah berpandangan proses menggunakan daun bidara adalah bagi menguatkan kulit jenazah dan mengelakkan daripada jenazah cepat berbau. Sebilangan informan juga menyatakan bahawa mereka hanya bertabarruk dengan hadis Nabi SAW dan mengikut pandangan beberapa ulama shafiiyah seperti al-Nawawi dan al-Ramli.

### 5.4 Air Mawar

Air mawar adalah ekstrak campuran daripada beberapa bunga yang berbau wangi. Dalam amalan perubatan melayu lama, air mawar digunakan sebagai penyembuh kepada beberapa jenis sakit mata. Selain daripada itu, air mawar juga akan dilumur di badan ibu bersalin sebagai ikhtiar pemulih daripada kesakitan dan kesan selepas melahirkan anak (Harun Mat Piah, 2006). Dalam pengurusan jenazah, air mawar digunakan oleh pengurus jenazah sebagai alternatif kepada wangian tanpa alkohol yang di renjiskan di kain kafan dan digunakan sebagai jirusan sebelum jirusan yang mengandungi kapur barus dan air daun bidara.



## 5.5 Cendana

Cendana adalah serbuk berwarna kuning juga digunakan oleh sebilangan pengurus jenazah. Ia adalah serbuk daripada pokok yang dikenali sebagai cendana. Cendana dalam perubatan melayu tradisional digunakan sebagai celak kepada seseorang yang diganggu makhluk halus, cendana juga dicampur dengan beberapa bahan kemudian dilumurkan ke badan sebagai ikhtiar kepada demam kepialu, sebagai campuran kepada ubat minum pesakit resdung dan lain-lain lagi (Harun Mat Piah, 2006). Dalam pengurusan jenazah, ia digunakan sebagai pewangi ganti kepada air mawar ketika memandikan jenazah, dan di tabur dalam setiap lapisan kain kafan bagi mengelakkan daripada gangguan binatang buas apabila jenazah dikebumikan.

## 5.6 Kapur Barus

Kapur barus adalah berasal dari getah pokok barus. Adakalanya, ia diambil dengan cara memanaskan batang dan daunnya untuk mendapatkan minyaknya. Dalam amalan perubatan melayu, kapur barus sangat sinonim dengan aktiviti menghalau makhluk halus. Wangiannya dikatakan dapat menjemput malaikat yang seterusnya dapat mengusir anasir-anasir jahat. Dalam amalan tradisional masyarakat melayu, kapur barus juga digunakan sebagai ubatan alternatif kepada penyakit fizikal seperti resdung, penyakit batin dan rabun (Harun Mat Piah, 2006). Dalam amalan pengurusan jenazah, masyarakat banyak mengambil contoh dan ikutan sunnah yang diriwayatkan daripada Bukhari dalam bab jenazah berkaitan penggunaan kapur barus. Hikmah disebalik mencampurkan air dengan kapur ini adalah kerana baunya yang wangi dan berfungsi sebagai menguatkan tubuh jenazah dan sebagai bahan awet supaya jenazah tidak cepat busuk selain daripada baunya yang wangi bertujuan mengusir binatang-binatang daripada mendekati jenazah selepas ia dikebumikan (Sayyid Sabiq, 2009).

## 6.0 Kesimpulan

Masyarakat Melayu lama sangat menitik beratkan aspek-aspek alami dan seringkali berinteraksi dengan alam dalam kehidupan seharian. Berlaluinya generasi demi generasi menyebabkan salah faham berlaku pada amalan dan penyelewengan fungsi dalam perkara-perkara yang melibatkan adat dan masyarakat setempat. Penulisan dan pengkajian semula falsafah di sebalik amalan dan adat tersebut perlu digiatkan bagi memberi persepsi sebenar adat dan amalan masyarakat melayu silam.

## Rujukan

Cheng YC (2002). Fostering Local Knowledge and Wisdom in Globalized Education. Invited keynote speech presented at the 8th International Conference held at Faculty of Education of Chulalongkorn University. Bangkok, Thailand. 18-21 November.

Hiwasaki L, Luna E, Syamsidik, Shaw R (2014). Local and indigenous knowledge for community resilience: Hydro-meteorological disaster

- risk reduction and climate change adaptation in coastal and small island communities. UNESCO, Jakarta. p.60.
- Warren MD (1992). Indigenous knowledge, biodiversity conservation and development: Keynote address. In Proc. International Conference on Conservation of Biodiversity, pp.15-30. Nairobi,
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal, Mustapa Abu Talip (2015). Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah. GEOGRAFIA Journal of Society and Space 11 issue 12 (112 - 128) 112.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Nor, Nor Hayati Bt Md Dahlal & Norafifah Abd Hamid (2013). Islam Dan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu: Analisis Kritikal Jati, Volume 18, pp223-245.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd Aziz Haji Bidin (2013). Tumbuhan dalam upacara perbomohan: Kes Main Teri di Kelantan. GEOGRAFIA Online. Malaysia Journal of Society and Space 8, issue 4, pp56-63.
- Hasliza Yusof (2014). Glikosida bezofuran from *Styrax benzoin*. The Malaysian Journal of Analytical Sciences, Vol 18 No 3, pp 676 – 682.
- H.C. Ong (2012). Medicinal Plants Used By the Jah Hut Orang Asli at Kampung Pos Penderas, Pahang, Malaysia. Ethno Medical, 6(1), pp11-15.
- Deden Hidayat & Gusti Hardiansyah (2012). Studi Keanekaragaman Jenis Tumbuhan Obat di Kawasan IUPHHK PT. Sari Bumi Kusuma Camp Tontang Kabupaten Sintang. Vokasi. Volume 8, Nomor 2, Jun, pp61 – 68.
- Noraída Arifin (2005). Penyembuhan semula jadi dengan herba. Bentong: PTS Millenia.
- Ong Hean Chooi (2006). Tumbuhan liar dan fungsi penyembuhan. Kuala Lumpur: PTS.
- Al-Kahtani, Said Ali (2006). Ahkam janaiz mafhum wa iqtinam wa mawaiz wa adab wa huquq wa sabar, wa ihtisab wa fadhail wa ahkam. Beyrut: Al-Maktab al-Taawuni.
- Al-Nawawi (2008). Syarh Sahih Muslim. Beyrut: Dar Kutub Ilmiyyah.
- Al-Nawawi (2005). Al-majmu' sharh al-muhazzab. Jilid 10. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Hasan Sadiliy (1982). Ensiklopedi Indonesia. Jakarta: Ikhtiar Baru.

- Ahmad Warson Munawwir (1997). Kamus al-Munawwir. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Departmen Agama Indonesia (1993). Ensiklopedi Islam di Indonesia. Jakarta: CV Anda Utama.
- Rohidzir Rais (2011). Ensiklopedia Solat Kombinasi Fakta Hukum dan Sains. Shah Alam: Telaga Biru.
- Abdul Mutalib Hj. Abdullah (2015). Kursus Pengurusan Jenazah. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Sayyid Sabiq (2009). Fiqh sunnah. Jilid 3. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Abdullah Bashmeih (2015). Panduan mengurus jenazah. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Akmal Haji Md. Zain (2012). Bimbingan Pengurusan Mayat. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Bernard Sellato (2001). Forest, resources and people in bulungan: elements for a history of settlement, trade and social dynamic in borneo 1880-2000. Indonesia: Centre for International Forestry Research.
- Harun Mat Piah (2009). Kitab tib ilmu perubatan melayu. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Marzuki Mohd Noor (2011). Panduan mudah urus jenazah. Batu Caves: PTS Publications.
- Azhar Idrus (2015). Persiapan yang terpuji dalam pengurusan jenazah. Batu Caves: PTS Publications.
- Othman Haji Awang (t.th.), Kursus penyelenggaraan mayat. Ipoh: Pustaka Muda .
- Mohd Faez bin Mohd Shah (2015). Siri fiqh islam mudah: pengurusan jenazah. Kuala Lumpur: Jahabersa.
- Abdullah bin Abdurrahman (2011). Pengurusan jenazah. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Ahmad Adnan Fadzil (2016). 101 hadis pengubatan rasulullah daripada sahih bukhari. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Amir Muttaqin bin Ab. Ghani (2013). Panduan lengkap dan bergambar pengurusan jenazah. Kuala Lumpur: Aina Zahrah Media Publication.
- Syaikh Abdul Aziz bin Baz (2011). Ahkam janaiz. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Shafii.

Muhammad Nasiruddin al-Albani (2010). Ahkam janaiz wa bidauha.  
Beyrut: Dar Fikr.